

PERATURAN PERMAINAN PING PONG

1.0 NAMA

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Ping Pong Berpasukan Campuran Sukan Staf UTeM.

2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut undang-undang dan Peraturan Am Sukan Staf UTeM yang dikuatkuasakan sepanjang pertandingan ini.

3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut **Undang-Undang Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF)** dan terjemahan **Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM)** yang berkuatkuasa pada ketika ini.

4.0 KELAYAKAN PEMAIN

Rujuk Perkara 3.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf UTeM.

5.0 FORMAT PERTANDINGAN

Berpasukan Campuran

- | | | | |
|-----|--------------------------|---|------------------------|
| 5.1 | Perseorangan Lelaki | - | <i>(best of 5 set)</i> |
| 5.2 | Beregu Lelaki | - | <i>(best of 5 set)</i> |
| 5.3 | Beregu Campuran @ Wanita | - | <i>(best of 5 set)</i> |

6.0 PEMBENTUKAN PASUKAN

- 6.1 Semua pasukan diwajibkan mendaftar senarai nama pemain di dalam borang yang disediakan.
- 6.2 Seorang pemain layak bermain dalam **1 (satu) acara sahaja**.

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Semua acara akan dijalankan secara liga dalam kumpulan pada pusingan awal dan johan & Naib johan kumpulan akan bermain sistem kalah mati (*Knock out*) untuk peringkat seterusnya.
- 7.2 Semua perlawanan akan dijalankan secara lima (5) permainan terbaik daripada lima (5) permainan (*best of five (5) games*) dengan kiraan 11 mata bagi setiap set mengikut ketentuan berikut :
- Setiap individu yang mendapat keputusan 3-0
 - Setiap individu yang mendapat keputusan 3-1
 - Setiap individu yang mendapat keputusan 3-2
- 7.3 Pemain yang mendapat 3 set akan dikira pemenang dan diberikan mata (liga kumpulan) mengikut ketentuan berikut :-
- Menang - 3 mata
 - Kalah - 0 mata
- 7.4 Sekiranya pasukan mendapat mata yang sama semasa peringkat kumpulan. Penentuan kedudukan dalam kumpulan akan ditentukan mengikut ketentuan berikut :
- Sekiranya 2 pasukan mendapat mata yang sama, keputusan perlawanan diantara pemain akan digunakan (*head to head*)
 - Sekiranya 3 pasukan mendapat mata yang sama,
 - Jumlah Set Menang – Jumlah set kalah, sekiranya sama
 - Jumlah Mata set Menang – Jumlah Mata set Kalah, sekiranya sama,
 - Pihak penganjur berhak menentukan sistem yang akan digunakan.

8.0 SISTEM CARTA & UNDIAN PERTANDINGAN

8.1 Pertandingan akan dijalankan menggunakan Sistem Liga kumpulan (pusingan awal) dan johan & naib johan kumpulan akan layak bermain di pusingan Kalah Mati.

8.2 Format Penentuan Kumpulan

JUMLAH PASUKAN	JUMLAH PASUKAN DALAM KUMPULAN					
	Jumlah Kumpulan	Kump A	Kump B	Kump C	Kump D	Kump E
8	2	4	4	-	-	-
9	3	3	3	3	-	-
10	3	3	3	4	-	-
11	3	3	4	4	-	-
12	4	3	3	3	3	-
13	4	3	3	3	4	-
14	4	3	3	4	4	-
15	5	3	3	3	3	3
16	5	3	3	3	3	4
17	5	3	3	3	4	4
18	5	3	3	4	4	4
19	5	3	4	4	4	4
20	5	4	4	4	4	4

8.3 Cara Dua (2) Kumpulan :

8.3.1 Pusingan Awal

8.3.1.1 Sekiranya enam (6) pasukan atau lebih mengambil bahagian, pasukan akan dibahagikan kepada dua (2) kumpulan iaitu kumpulan A & B dan pertandingan dijalankan secara liga.

8.3.1.2 Johan tahun lepas akan berada di kedudukan A1, Naib Johan akan berada di kedudukan B1 dan Tempat Ke-3 dan Ke-4 akan diundi untuk kedudukan A2 atau B2.

8.3.1.3 Sekiranya ada pasukan menarik diri sebelum jadual rasmi dijadualkan dalam mana-mana kumpulan dan hanya tinggal 2 pasukan sahaja dalam satu kumpulan, maka satu pasukan terakhir yang berada dalam kumpulan lagi satu akan dipindahkan secara automatik kedalam kumpulan yang tinggal 2 pasukan tersebut.

8.3.2 Pusingan Separuh Akhir

8.3.2.1 Johan kumpulan A akan bertemu dengan Naib Johan Kumpulan B dan Johan kumpulan B akan bertemu dengan Naib Johan kumpulan A dan perlawanan dijalankan secara kalah mati.

8.3.3 Pusingan Akhir

8.3.3.1 Pemenang bagi setiap perlawanan akan berlawan untuk

menentukan Johan dan Naib Johan.

8.3.3.2 Tempat ke 3 & ke 4 akan dipertandingkan.

9.0 PERKARA LARANGAN

- 9.1 Pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang permainan kecuali dengan kebenaran Pengadil.
- 9.2 **Memakai selipar dan seluar pendek / jeans tidak dibenarkan semasa bermain.** Semua Ketua Pasukan adalah diminta memastikan semua pemain berpakaian kemas.
- 9.3 Pemain yang membawa telefon bimbit (handset), pastikan nada dering telah ditukar kepada 'vibrate mode' semasa berada di dalam dewan pertandingan.

10.0 ALATAN PERTANDINGAN

- 10.1 Peralatan pertandingan yang diguna pakai semasa pertandingan adalah mengikut Undang-undang seperti yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM).
- 10.2 Para peserta hanya perlu membawa peralatan sendiri semasa kejohanan.

11.0 MENARIK DIRI/MENYERAH KALAH

- 11.1 Setiap pasukan/pemain hendaklah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan melainkan telah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Pihak Penganjur.
- 11.2 Pasukan/pemain yang menarik diri dari perlawanan akan diberikan 3 mata kemenangan kepada pihak lawan dan semua keputusan sebelum penarikan tidak akan dikira (bergantung kepada keadaan)
- 11.3 Pihak Penganjur dan pengerusi permainan berhak membuat keputusan sekiranya ada perkara yang tidak dinyatakan dan keputusan adalah muktamad.

12.0 HADIAH & PEMENANG

Rujuk perkara 14.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf UTeM.

13.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk perkara 17.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf UTeM.

14.0 RINGKASAN PINGAT

KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA
Pegawai	1	1	1
Atlet	7	7	7
JUMLAH	8	8	8